

KURSUS 'EMBRACE CHANGE: NUTS & BOLTS FOR MANAGING TRANSFOMATION AND CHANGE FOR F1 TEAM UTeM'

26 Mei 2023 (Jumaat) | 9.00 pagi

Dewan Seminar FTMK

SALUTASI

1. Yang Mulia Datuk Dr. Tengku Naufal bin Tengku Mansor

Pengasas dan Master Trainer Dynamic Training Excellent (DTE) Consultancy Sdn. Bhd.

2. Yang Berusaha Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM

3. Yang Berusaha Prof. Dr. Ghazali bin Omar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM

4. Yang Berbahagia Prof. Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTeM

5. Pegawai-Pegawai Kanan, Dekan-Dekan dan Pengarah-Pengarah UTeM

6. Barisan urus setia program

7. Tuan-Tuan & Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Wbt

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani,

Salam UTeMku sayang

Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan.

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UTeM
PROF Ts DR MASSILA BINTI KAMALRUDIN

**KURSUS 'EMBRACE CHANGE: NUTS & BOLTS FOR MANAGING
TRANSFOMATION AND CHANGE FOR F1 TEAM UTeM'**

26 Mei 2023 (Jumaat) | 9.00 pagi

Dewan Seminar FTMK

SALUTASI

-Seperti di lampiran

1. Alhamdulillah, saya ingin merafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana di atas limpah kurnia dan keizinannya dapat kita bersama-sama pada pagi ini bertemu dan berkongsi ilmu dalam kursus kepimpinan yang melibatkan pasukan Formula One (F1) universiti.
2. Seperti yang kita sedia maklum, program eksklusif berfokus seperti ini perlu diadakan dalam memacu dan memperkasa pasukan Formula One (F1) universiti untuk menerajui


organisasi masing-masing dengan lebih mampan dan sistemik sejajar dengan teras strategik universiti itu sendiri.

3. Justeru, keperluan ini telah saya bangkitkan pada awal tahun ini dalam mesyuarat pembangunan sumber manusia dan mesyuarat bersetuju untuk menganjurkan kursus-kursus kepimpinan strategik seperti ini melalui Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar.

Tuan-Tuan & Puan-Puan yang dihormati sekalian

4. Saya difahamkan konsultan pada kali ini (DTE Consult Sdn Bhd) yang diterajui oleh Yang Mulia Datuk Dr. Tengku Naufal bin Tengku Mansor selaku Pengasas dan Master Trainer merupakan penceramah yang tersohor dan berpengalaman luas (melebihi 23 tahun) dalam bidang pembangunan sumber manusia di sektor kerajaan mahupun swasta.
5. Saya percaya dalam tempoh 2 hari program ini berlangsung, penceramah akan berkongsi ilmu dan pengetahuan dengan

tuan-tuan dan puan-puan sekalian mengenai kaedah dan tatacara dalam memahami dan menghadapi perubahan seterusnya menguruskan apa yang disebut ‘*surprises of organizational change*’ dengan kebijaksanaan yang sewajarnya.

- 
6. Program ini turut berkongsi modul konsep ‘*experiential learning*’ dalam memperoleh pengetahuan dan kemahiran perubahan organisasi melalui beberapa teori seperti *Kotters’s Steps* dan *Kurt Lewin’s Force-Field Analysis*. Bukan itu sahaja, terdapat juga beberapa tips dan tatakelola dalam

meminimumkan ketidakpastian semasa mengurus konflik dan rintangan akibat perubahan yang dilaksanakan.

7. Program-program ini dirangka khas bagi memastikan bakat kepimpinan di kalangan pasukan Formula One (F1) universiti terus kompeten dan konsisten. Insya Allah, inisiatif dan usaha murni ini adalah selari dengan hasrat dan 5 teras strategik Universiti

Tuan-Tuan & Puan-Puan yang dihormati sekalian

8. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi melapangkan masa untuk hadir menyokong hasrat universiti dan bersama menjayakan program ini.
9. Tahniah juga diucapkan kepada Bahagian Pembangunan Bakat (BPB) dan barisan urus setia bertugas atas segala komitmen dan usaha demi memastikan penganjuran program ini berjalan dengan lancar.

10. Diharapkan semoga program ini mencapai objektif pelaksanaannya dan usaha UTeM sendiri dalam menjajar universiti, melonjak kehadapan.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, ingin saya membaca petikan dari Jack Welch untuk kita hayati bersama:

'Before you become a leader, success is all about growing yourself. After you become a leader, success is about growing others'

12. Sekian, terima kasih.

